

# Belanjawan fokus industri pengeluaran makanan



**HARAKAH: Bagaimana Dato' melihat perbelanjaan disediakan kerajaan bagi sektor pertanian, perikanan dan penternakan atau '3P' dalam Belanjawan 2021?**

**DR WAN AHMAD FAUZI:** Saya berpandangan di samping perbelanjaan yang diperuntukkan bagi 3P, aspek pelaksanaan perlu dirangka dengan lebih komprehensif yang lengkap dengan rantaian bekalan dan pemasaran secara berpusat untuk memaksimum pencapaian yang disasarkan.

Pelan pembangunan 3P secara bersepadu itu perlu dirangka untuk mencapai objektif antaranya memastikan setiap rakyat tidak terputus bekalan makanan sama ada dalam bentuk bantuan atau pembiayaan sediri.

Kedua, membuka peluang untuk rakyat berdaya bagi merentasi zaman yang sulit mengikut potensi masing-masing, sekurang-kurangnya bagi kegunaan isi rumah.

Ketiga, membina masyarakat 'pengusaha' berskala kecil, sederhana dan besar berlandaskan insentif yang bersesuaian. Keempat, menjalin rangkaian pengusaha dan pemasaran secara terus melalui pelbagai rangkaian usaha sama serta bentuk kerjasama yang bersifat "win-win".

Sektor yang memerlukan orang tengah masih diterus namun begitu perlu ada kawalan terhadap unsur-unsur manipulasi negatif, penindasan dan kawalan harga agar tidak menekan pengguna.

Kelima, mewujudkan 'barter trade' sebagai alternatif, sekurang-kurangnya bagi kumpulan asnaf yang mengusahakan 3P dalam skala kecil. Keenam, menyediakan infrastruktur dalam normal baharu buat rakyat untuk akses keperluan dan menstruktur semula ekonomi negara.

Ketujuh, melepaskan kebergantungan rakyat kepada bantuan jangka panjang oleh kerajaan dan kelapan, mengatasi isu pengangguran dengan mewujudkan masyarakat pengusaha.

**Objektif dianggap penting dalam pencapaian sektor 3P?**

Objektif itu boleh dicapai jika bantuan dan peluang diberi secara optimum dalam sektor 3P disasarkan bagi kegunaan seperti berikut, pertama, kegunaan isi rumah (home consumption), kedua, kegunaan kedaerahan (district consumption) dan ketiga, pasaran terbuka (open market).

Pelbagai program perlu dibangunkan secara berfokus untuk memastikan keperluan asasi dijana bagi manfaat bersasar pertama skala keluarga (family based), kedua, skala daerah (district based) dan ketiga, skala pengkomersialan (commercialization scale based).

Kaedah ini perlu dibangunkan melalui konsep 'mengukur saiz badan sendiri' dengan harapan peruntukan yang ada tidak disalahgunakan.

Pemantauan perlu dikongsi secara bersama dengan pemimpin masyarakat kerana tanpa pemantauan, pastinya data bekalan serta pemasaran berpusat tidak dapat dijayakan. Setiap kampung perlu dibuka sektor yang berpotensi agar tahap kejayaan dari aspek pelaksanaan tidak bersifat "try an error".

**Bagaimana langkah ke arah pelaksanaan sektor 3P?**

Pelaksanaan sektor 3P tersebut perlu dipelbagaikan dalam bentuk tradisional dan berteknologi moden seperti hydroponics, bersangkar, feedlot dan berkelompok. Mengikut kaedah-kaedah yang sesuai serta bimbingan

BELANJAWAN 2021 yang dibentang Menteri Kewangan Senator Tengku Dato' Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz 6 November lalu berjumlah RM322.5 bilion.

Daripada jumlah itu perbelanjaan mengurus sebanyak RM236.5 bilion dan RM69 bilion bagi pembangunan. Di samping itu kerajaan Perikatan Nasional (PN) juga menyediakan peruntukan untuk memangkinkan aktiviti 3P iaitu pertanian, perikanan dan penternakan. Oleh bagi mendapat gambaran lebih jelas mengenai sektor tersebut ikuti temubual wartawan KHAIRUL AZLAM MOHAMAD bersama pensyarah Fakulti Pengurusan Industri Universiti Malaysia Pahang Profesor Madya Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Hussin ketika ditemui baru-baru ini.



Tanah tinggi Lojing terkenal dengan pengeluaran tomat.

dalam bentuk latihan praktikal dan pengetahuan asas perlu diberi keutamaan.

Pengupayaan kewangan juga termasuk pembukaan tanah kerajaan, wakaf perlu dibuat melalui polisi yang jelas. Kegagalan sistem lama perlu diambil iktibar dan tidak wajar berulang lagi. Ketelusan mesti dititikberatkan kerana keadaan negara tidak semegah dahulu.

Polisi bantuan mesti jelas dan mengambil kira kajian lepas untuk menggerak aktiviti dalam pelbagai bentuk seperti berikut, pertama usaha

tani keluarga dengan mengambil kira sumber yang dimiliki atau boleh dibangunkan.

Kedua, penubuhan koperasi bagi peringkat komuniti untuk menyalurkan bantuan modal berskala RM100,000 hingga RM1 juta. Ketiga, kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berasaskan aspek kepakaran atau pengalaman pemohon.

Keempat, usahasama dengan pihak swasta untuk meningkatkan pasaran atau kepakaran dan kelima, inisiatif pemilik PMC iaitu pihak yang diberi bantuan secara berkelompok seperti koperasi dengan pihak berkepakaran

untuk mengurus.

**Bagaimana mendepani cabaran dalam sektor 3P Dato'?**

Saya melihat cabaran dalam sektor 3P ini ialah tapak. Justeru, sektor 3P perlu diupayakan melalui skim penyediaan tapak seperti tanah atau premis ToL (Lesen Menduduki Sementara), sewaan atau pajakan, pemberian hak milik (geran) atau joint venture. Oleh itu, amatlah diharapkan kaedah penjanaan kesejahteraan yang dikemuka dapat memastikan kelangsungan kehidupan ekonomi dan keperluan asas kepada rakyat Malaysia.



Semai pokok durian kunyit.



Kelapa wangi Induk dari Thailand



Penternakan lembu sado semakin berkembang.